

## Keesahan

5. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Ketua Pustakawan yang menjalankan tugasnya yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 20 September 2021

TYT TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN  
DATUK HAJI MAHIRUDDIN  
*Canselor Universiti Malaysia Sabah*

**No. 19756.**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(HOSPITAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH) (PINDAAN) 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [P.U. (A) 460/2010], Canselor membuat statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Statut ini bolehlah dinamakan sebagai Statut Universiti Malaysia Sabah (Hospital Universiti Malaysia Sabah)(Pindaan) 2020 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh statut ini ditandatangan oleh Canselor.

Pengubahan dan penambahan diperihalkan dalam Jadual

2. Peruntukan seksyen-seksyen yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual adalah dipinda mengikut cara yang diperihalkan dalam ruang (2) bagi maksud pemakaianya bagi Statut Universiti Malaysia Sabah (Hospital Universiti Malaysia Sabah) 2016.

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

26hb Nov. 2021]

21471

## JADUAL

| Bil. | (1)  | (2)   |
|------|--|---|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan   |
| 1.   | Seksyen 2  | Gantikan tafsiran “Ketua Pegawai Eksekutif” kepada yang berikut:<br><br>“Pengarah Hospital” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subperenggan 9(1) statut ini;”                       |
| 2.   | Seksyen 2  | Gantikan tafsiran “Lembaga Pengurus” kepada yang berikut:<br><br>“Lembaga Pengurusan” ertinya Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah subperenggan 5(1) statut ini;                 |
| 3.   | Seksyen 2  | Gantikan tafsiran “Pengarah Kewangan” kepada yang berikut:<br><br>“Timbalan Pengarah Kewangan” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subperenggan 10(1) statut ini;”                   |
| 4.   | Seksyen 2  | Gantikan tafsiran “Pengarah Klinikal” kepada yang berikut:<br><br>“Timbalan Pengarah Klinikal” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subperenggan 10(1) statut ini;                    |
| 5.   | Seksyen 2  | Gantikan tafsiran “Pengarah Pengurusan” kepada yang berikut:<br><br>“Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi)” ertinya Pegawai yang dilantik di bawah subperenggan 10(1) statut ini;” |

| Bil. | (1)  | (2)  |
|------|--|--|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan  |
| 6.   | Seksyen 2  | Gantikan tafsiran “Pengarah Penyelidikan dan Inovasi” kepada yang berikut:<br><br>“Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Inovasi” ertiinya Pegawai yang dilantik di bawah subperenggan 10(1) statut ini;”   |
| 7.   |  | Gantikan semua perkataan “Lembaga Pengurus” yang ada di dalam Statut Universiti Malaysia Sabah (Hospital Universiti Malaysia Sabah) 2016 dengan perkataan “Lembaga Pengurusan”   |
| 8.   |  | Gantikan semua perkataan “Pengarah Pengurusan” yang ada di dalam Statut Universiti Malaysia Sabah (Hospital Universiti Malaysia Sabah) 2016 dengan perkataan “Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi)”<br><br>Gantikan semua perkataan “Pengarah Klinikal” yang ada di dalam Statut Universiti Malaysia Sabah (Hospital Universiti Malaysia Sabah) 2016 dengan perkataan “Timbalan Pengarah (Klinikal)” |
|      |  | Gantikan semua perkataan “Pengarah Kewangan” yang ada di dalam Statut Universiti Malaysia Sabah (Hospital Universiti Malaysia Sabah) 2016 dengan perkataan “Timbalan Pengarah (Kewangan)”  |
|      |  | Gantikan semua perkataan “Pengarah Penyelidikan dan Inovasi” yang ada di dalam Statut Universiti Malaysia Sabah (Hospital Universiti Malaysia Sabah) 2016 dengan perkataan “Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)”  |
|      | Seksyen 3  | Gantikan seksyen 3 kepada yang berikut:<br><br>“3. Maka hendaklah ditubuhkan sebuah Hospital Universiti (di bawah Lembaga Pengurusan) yang bertanggungjawab terus kepada Lembaga.”   |

| Bil. | (1)  | (2)                                 |
|------|--|-------------------------------------|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan |

Subseksyen 5(1) Gantikan subseksyen 5(1) kepada yang berikut:

“Lembaga Pengurusan

5. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Pengurusan yang hendaklah terdiri daripada:

- (a) Seorang ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah sebagai Pengerusi;
- (b) Naib Canselor;
- (c) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
- (d) Dekan Fakulti Perubatan;
- (e) Pengarah Hospital;
- (f) Tiga (3) orang wakil Kementerian daripada sektor Pendidikan, Kesihatan dan Kewangan atau perkhidmatan awam lain (jika perlu);
- (g) Seorang wakil daripada Kerajaan Negeri Sabah; dan
- (h) Dua (2) orang ahli diko-opt oleh Lembaga Pengarah yang difikirkan dapat menyumbang kepada urus tadbir hospital.”

Subseksyen 5(2) Gantikan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif” kepada perkataan “Pengarah Hospital”.

Subseksyen 5(3) Gantikan subseksyen 5(3) kepada yang berikut:

“Timbalan Pengarah (Klinikal), Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi), Timbalan Pengarah (Kewangan) dan Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah menjadi ahli ex-officio, tetapi tidak berhak untuk mengundi di dalam mesyuarat Lembaga Pengurusan.”

| Bil. | (1)  | (2)                                 |
|------|--|-------------------------------------|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan |

Subseksyen 5(4) Gantikan subsekyen 5(4) kepada yang berikut:

“Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi) hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Lembaga Pengurusan”

Subperenggan 7(f) Gantikan perkataan “staf” kepada perkataan “pekerja”

Subperenggan 7(k) Gantikan superenggan 7(k) kepada yang berikut:

“(k) meluluskan penubuhan tabung amanah bagi satu-satu tujuan dan bertanggungjawab ke atas polisi dan pengagihan dana untuk tabung berkenaan;”

Subperenggan 7(l) Batalkan subperenggan 7(l).

Tambah subperenggan baharu selepas subperenggan 7(l) seperti berikut:

“(la) membuat peraturan-peraturan dan peruntukan bagi tempat tinggal dan kebajikan pekerja Hospital selagi tidak bertentangan dengan Peraturan dan Pekeliling yang diterimakan oleh Universiti;

(lb) bertanggungjawab atas kewangan yang diluluskan bagi HUMS dan memastikan rekod-rekod yang sempurna telah disimpan bagi kewangan sedemikian;”

Seksyen 10 Gantikan Seksyen 10 kepada yang berikut:

“Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi), Timbalan Pengarah (Klinikal), Timbalan Pengarah (Kewangan), Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi) dan Ketua Jabatan

| Bil. | (1)  | (2)                                 |
|------|--|-------------------------------------|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan |

10. (1) Naib Canselor hendaklah melantik Timbalan Pengarah (Klinikal), Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi), Timbalan Pengarah (Kewangan), Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi) dan Ketua Jabatan yang hendaklah bertanggungjawab kepada Pengarah Hospital.

(2) Timbalan Pengarah (Klinikal) hendaklah—

- (a) membantu Pengarah Hospital dalam pentadbiran dan penyelarasan perkhidmatan perubatan Hospital Universiti dan perkhidmatan profesional Hospital Universiti yang berkaitan, dan menjalankan kuasa-kuasa tertentu Pengarah Hospital dan melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab Pengarah Hospital, sebagaimana yang diwakilkan kepadanya oleh Pengarah Hospital;
- (b) bertanggungjawab bagi pentadbiran am perkhidmatan-perkhidmatan rawatan dan semua perkhidmatan bantuan berhubungan dengan rawatan pesakit yang termasuklah—
  - (i) menyimpan dan menyenggarakan rekod-rekod perubatan Hospital Universiti dengan sepatutnya; dan
  - (ii) melaksanakan dasar-dasar kawalan infeksi Hospital Universiti,
- (c) bertanggungjawab bagi perkhidmatan-perkhidmatan diagnostik Hospital Universiti; dan
- (d) melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Pengarah Hospital.

| Bil. | (1)  | (2)                                 |
|------|--|-------------------------------------|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan |

(3) Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi) hendaklah—

- (a) menjadi Setiausaha Lembaga Pengurusan dan Jawatankuasa Eksekutif Hospital Universiti sebagaimana yang ditubuhkan di bawah Statut ini, dan menyimpan minit-minit mesyuarat jawatankuasa ini;
- (b) mengurus hal ehwal perlantikan dan pembangunan sumber manusia Hospital Universiti;
- (c) menjadi penyimpan rekod-rekod, dokumen-dokumen dan lain-lain harta Hospital Universiti;
- (d) membantu Pengarah Hospital dalam pentadbiran Hospital Universiti secara keseluruhannya dan menjalankan apa-apa kuasa Pengarah Hospital dan melaksanakan apa-apa kewajipan dan tanggungjawab Pengarah Hospital, sebagaimana yang diwakilkan kepadanya oleh Pengarah Hospital; dan
- (e) melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Pengarah Hospital.

(4) Timbalan Pengarah (Kewangan) hendaklah—

- (a) memastikan ketersediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi menampung operasi Hospital Universiti.;
- (b) membantu Pengarah Hospital dalam pentadbiran Hospital Universiti secara keseluruhannya termasuk perkara-perkara pengurusan kewangan, penjanaan dan pengurusan hasil dan melaksanakan

| Bil. | (1)   | (2)   |
|------|---|---|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016.  | Perihalan pengubahan dan penambahan   |
|      |   | apa-apa kuasa Pengarah Hospital, dan melaksanakan apa-apa kewajipan dan tanggungjawab Pengarah Hospital, sebagaimana yang diwakilkan kepadanya oleh Pengarah Hospital; dan  |
|      |   | (c) melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Pengarah Hospital.  |
|      | (5) Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  | hendaklah—  |
|      |   | (a) memastikan perlaksanaan penyelidikan dan inovasi yang mencukupi dan kelancaran aktiviti penyelidikan dan inovasi.;  |
|      |   | (b) membantu Pengarah Hospital dalam pentadbiran Hospital Universiti secara keseluruhannya termasuk perkara-perkara pengurusan kewangan, penjanaan dan pengurusan hasil dan melaksanakan apa-apa kuasa Pengarah Hospital, dan melaksanakan apa-apa kewajipan dan tanggungjawab Pengarah Hospital, sebagaimana yang diwakilkan kepadanya oleh Pengarah Hospital; dan |
|      | (6) Pengarah Hospital hendaklah menetapkan kuasa dan kewajipan Ketua Jabatan.   |   |
|      | (7) Tempoh lantikan Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi) Timbalan Pengarah (Klinikal), Timbalan Pengarah (Kewangan), Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi) dan Ketua Jabatan hendaklah tidak melebihi 3 tahun, dan boleh dilantik semula.” |   |

Seksyen 11

Gantikan semua sebutan perkataan “Jawatankuasa Eksekutif” yang terdapat di seksyen 11 dengan perkataan “Jawatankuasa Akademik Perubatan dan Sains Kesihatan”.

| Bil. | (1)  | (2)  |
|------|--|--|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan  |
|      | Subseksyen<br>11(1)  | Gantikan subseksyen 11(1) kepada yang berikut:<br><br>“11. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Akademik Perubatan dan Sains Kesihatan yang hendaklah terdiri daripada:<br><br>(a) Dekan Perubatan sebagai Pengerusi;<br>(b) Pengarah Hospital;<br>(c) Timbalan Pengarah (Klinikal);<br>(d) Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi);<br>(e) Timbalan Pengarah (Kewangan);<br>(f) Ketua Pegawai Penyelidikan dan Inovasi;<br>(g) Semua Timbalan Dekan Fakulti Perubatan;<br>(h) Ketua Pentadbiran Fakulti Perubatan” |
|      | Subseksyen<br>12(1)  | Gantikan subsekyen 12(1) kepada yang berikut:<br><br>“12. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan yang hendaklah terdiri daripada:<br><br>(a) Pengarah Hospital;<br>(b) Timbalan Pengarah (Klinikal);<br>(c) Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi);<br>(d) Timbalan Pengarah (Kewangan); dan<br>(e) Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi).   |

| Bil. | (1)  | (2)                                 |
|------|--|-------------------------------------|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan |

Seksyen 13      Gantikan seksyen 13 kepada yang berikut:

“Jawatankuasa Pemilih Bagi pekerja Klinikal

13. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pemilih Bagi pekerja Klinikal yang ahli-ahlinya adalah terdiri daripada:

- (a) Pendaftar;
- (b) Pengarah Hospital
- (c) Timbalan Pengarah (Pengurusan Dan Operasi)
- (d) Timbalan Pengarah (Klinikal)
- (e) Timbalan Pengarah (Kewangan)

(2) Pegawai di bawah unit sumber manusia HUMS hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pemilih Bagi pekerja Klinikal.

(3) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Bagi pekerja Klinikal ialah tiga (3).

(4) Jawatankuasa Pemilih Bagi pekerja Klinikal boleh menentukan prosedur-prosedurnya sendiri secara am dan hendaklah seterusnya diberi kuasa untuk membuat perintah-perintah tetap yang mengawal selia prosedur jawatankuasa-jawatankuasa kecil ad hoc, khususnya berkenaan dengan mengadakan mesyuarat. Notis yang akan diberi mengenai mesyuarat itu, prosiding dalam mesyuarat itu, penyimpanan minit-minit, pengedaran, penetapan dan penjagaan, pengemukaan serta pemeriksaan minit-minit itu.

| Bil. | (1)  | (2)                                 |
|------|--|-------------------------------------|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan |

(5) Minit mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Bagi pekerja Klinikal hendaklah dikemukakan kepada anggota Jawatankuasa Pemilih Bagi Pekerja Klinikal oleh setiausaha tidak lebih daripada tujuh hari dari tarikh setiap mesyuarat.

(6) Jawatankuasa Pemilih Bagi pekerja Klinikal hendaklah bertanggungjawab bagi memilih dan mengesyorkan calon pekerja klinikal untuk dilantik.

(7) Jawatankuasa boleh memanggil mana-mana pegawai yang difikirkan perlu bagi membantu proses pemilihan.

(8) Bagi maksud seksyen ini—

“Pekerja Klinikal” bermaksud seseorang pekerja yang mempunyai kelayakan dan dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan untuk melaksanakan rawatan dan penjagaan perubatan.

Seksyen 14 Gantikan seksyen 14 kepada yang berikut:

“Jawatankuasa Pemilih Bagi Staf Pentadbiran dan Teknikal

14. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pemilih Bagi Pekerja Pentadbiran dan Teknikal yang ahli-ahlinya adalah terdiri daripada:

- (a) Pendaftar;
- (b) Bendahari;
- (c) Ketua Pustakawan;
- (d) Timbalan Pengarah (Pengurusan dan Operasi)

| Bil. | (1)  | (2)   |
|------|--|---|
|      | Peruntukan<br>Statut Universiti<br>Malaysia Sabah<br>(Hospital<br>Universiti<br>Malaysia Sabah)<br>2016. | Perihalan pengubahan dan penambahan   |
|      |  | (2) Pegawai di bawah unit sumber manusia HUMS hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pemilih Bagi Pekerja Pentadbiran dan Teknikal.  |
|      |  | (3) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Bagi Pekerja Pentadbiran dan Teknikal ialah setengah dari bilangan keanggotaannya.   |
|      |  | (4) Jawatankuasa Pemilih Bagi Pekerja Pentadbiran dan Teknikal boleh menentukan prosedur-prosedurnya sendiri secara am dan hendaklah seterusnya diberi kuasa untuk membuat perintah-perintah tetap yang mengawal selia prosedur jawatankuasa jawatankuasa kecil ad hoc, khususnya berkenaan dengan mengadakan mesyuarat. Notis yang akan diberi mengenai mesyuarat itu, prosiding dalam mesyuarat itu, penyimpanan minit-minit, pengedaran, penetapan dan penjagaan, pengemukaan serta pemeriksaan minit-minit itu. |
|      |  | (5) Minit mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Bagi Pekerja Pentadbiran dan Teknikal hendaklah dikemukakan kepada ahli-ahli oleh Setiausaha tidak lebih daripada tujuh hari dari tarikh setiap mesyuarat.   |
|      |  | (6) Jawatankuasa Pemilih Bagi Pekerja Pentadbiran dan Teknikal hendaklah bertanggungjawab bagi memilih dan mensyorkan calon Pekerja Pentadbiran dan Teknikal untuk dilantik.  |
|      |  | (7) Jawatankuasa boleh memanggil mana-mana pegawai yang difikirkan perlu bagi membantu proses pemilihan.”   |

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

21482

[26hb Nov. 2021]

## Peralihan

3. (1) Apa-apa kelulusan dan tindakan pegawai-pegawai di bawah statut yang dipinda hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat di bawah statut ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

(2) Semua peraturan, perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa yang dikeluarkan atau dibuat oleh Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah terus berkuat kuasa setakat yang Peraturan, perintah, notis, borang dan surat diberi kuasa selaras dengan, atau sehingga diganti atau dibatalkan oleh, peruntukan ini.

Diperbuat pada 20 September 2021

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN  
DATUK HAJI MAHIRUDDIN

*Canselor*

*Universiti Malaysia Sabah*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA